

Kes pecah amanah Najib, Mohd Irwan Serigar

# Mahkamah beri masa dua minggu teliti dokumen

Perbicaraan enam tuduhan seleweng harta kerajaan RM6.6b ditangguh ke 19 Jun

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes pecah amanah membabitkan Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah di Mahkamah Tinggi di sini, yang sepatutnya bermula semalam, ditangguhkan ke 19 Jun ini.

Keputusan penangguhan dibuat selepas memberikan tempoh dua minggu kepada pihak pembelaan Najib dan Mohd Irwan untuk meneliti dokumen yang diserahkan pihak pendakwaan.

Najib dan Mohd Irwan ma-

sing-masing berdepan enam tuduhan pecah amanah terhadap harta kerajaan berjumlah RM6.6 bilion.

Hakim Datuk Muhammad Jamil sebelum ini menetapkan selama 30 hari pada bulan ini dan bulan depan selepas Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi memohon mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan.

"Perbicaraan pada hari ini (semalam) dan 10 hingga 13 Jun ditangguhkan untuk memberi peluang kepada pihak pembelaan meneliti dokumen dan menyediakan pembelaan (kes berkenaan).

"Dua minggu adalah memadai untuk pembelaan meneliti dokumen terbabit. Perbicaraan akan bermula pada 19 Jun ini dan seterusnya pada tarikh yang sudah ditetapkan," katanya.

Selain 19 Jun, perbicaraan akan dijalankan pada 20, 24 hingga 27 Jun, 2 hingga 4 Julai, 9 hingga 11 Julai, 15 hingga 18 Julai, 22 hingga 25 Julai dan 29 hingga 31 Julai ini.

Terdahulu, peguam bela Mohd Irwan, Datuk K Kuma-raendran, mendakwa lebih 100 dokumen kes itu belum diserahkan pihak pendakwaan.

## Pinda rakaman percakapan

"Antara dokumen belum diterima adalah memo mesyuarat Kabinet, surat dan e-mel merujuk kepada pernyataan saksi serta rakaman kenyataan saksi oleh pegawai penyiasat.

"Kami juga ada memberitahu kepada pihak pendakwaan bahawa rakaman percakapan sudah dipinda oleh anak guam semasa siasatan, kenyataan yang dipinda tidak pernah diserahkan kepada kami walaupun diberi peringatan," katanya.

Peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, juga senada dengan pembelaan Mohd Irwan Serigar apabila mendakwa banyak dokumen belum diserahkan pihak pendakwaan.

"Kita jangka pendakwaan akan menyerahkan dokumen (hari ini). Ada tujuh jilid doku-



Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

men yang perlu disemak. Ketia-daan dokumen akan menyebabkan banyak penangguhan jika perbicaraan bermula hari ini," katanya.

Sementara itu, Muhammad Saifuddin, memaklumkan sudah menyerahkan dokumen menerusi empat peringkat antara 2018 hingga 2021.

"Pada pagi ini (semalam), kita sediakan tujuh ikatan dokumen untuk dirujuk kepada saksi dan diserahkan kepada pembelaan bagi semakan semula.

"Kalau ada dokumen yang tidak cukup, kita terpaksa rujuk kepada pegawai penyiasat jika ada dalam simpanan mereka. Untuk kelancaran perbicaraan, saya tidak membantah jika ia ditangguhkan," katanya.

Pada 25 Oktober 2018, Najib, 68, dan Mohd Irwan Serigar, 64, mengaku tidak bersalah atas enam tuduhan pecah amanah ke atas harta kerajaan Malaysia berjumlah RM6.6 bilion berkaitan bayaran kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Mereka dituduh melakukan semua kesalahan itu di Kompleks Kementerian Kewangan di Putrajaya antara 21 Disember 2016 dan 18 Disember 2017.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.